

BAB 3

Prospek PKS pada Tahun 2020



Bab 3

Prospek PKS pada Tahun 2020



Penularan COVID-19 merupakan krisis kesihatan global yang ketara, merebak ke setiap pelosok dunia. Bermula daripada peningkatan isu kesihatan sehingga kelembapan ekonomi, ketidakseimbangan kewangan, gangguan kehidupan sosial dan kesan politik, pandemik ini telah menjejaskan dan mengubah negara-negara di seluruh dunia.

Prospek bagi Ekonomi Global dan Malaysia

Memberi impak yang teruk kepada ekonomi, COVID-19 telah melemahkan prospek pertumbuhan global dengan ketara. Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dalam *World Economic Outlook (WEO) Update* bagi bulan Januari 2021 telah melaporkan bahawa ekonomi global mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 3.5% pada tahun 2020 (2019: 2.8%). Angka yang telah disemak semula tersebut adalah 0.9 mata peratusan lebih tinggi daripada yang dianggarkan sebelum ini dalam *WEO Update* bagi bulan Oktober 2020, mencerminkan momentum yang lebih kukuh daripada jangkaan pada separuh pertama tahun 2020.

Bagi situasi di Malaysia, tahun 2020 pada awalnya dijangka menjadi tahun bagi Malaysia berkembang pesat terutamanya bagi industri pelancongan dengan pelaksanaan kempen Melawat Malaysia 2020. Namun begitu, pandemik COVID-19 yang berkembang dari krisis kesihatan menjadi krisis ekonomi telah menjejaskan kempen dan pelbagai inisiatif telah diberi untuk mempromosi aktiviti berkaitan pelancongan sehingga penularan global dapat dikawal. Penularan virus dan langkah yang diambil untuk membendungnya iaitu meliputi sekatan perjalanan, penguatkuasaan penutupan perniagaan dan sekatan aktiviti sosial susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berfasa telah menyebabkan kejutan penawaran dan permintaan secara serentak kepada ekonomi dalam negeri. Perniagaan terutamanya PKS berusaha sedaya upaya untuk mengatasi tekanan operasi yang disebabkan oleh COVID-19.

Mencerminkan kesan pandemik tersebut, ekonomi Malaysia terus merosot dengan mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 3.4% pada suku keempat tahun 2020, iaitu penguncupan ketiga berturut-turut bagi tahun 2020 (S3 2020: -2.6%, S2 2020: -17.1%). Pertumbuhan negatif dicatatkan dalam semua sektor ekonomi kecuali pembuatan. Penguncupan pada suku tahun tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaksanaan PKP Bersyarat di beberapa negeri sejak pertengahan bulan Oktober. Prospek ekonomi dan momentum pemulihan terjejas oleh peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini dan langkah-langkah pembendungan bersasar di sebilangan negeri pada suku terakhir tahun 2020. Meskipun sekatan perjalanan iaitu larangan merentas daerah dan merentas negeri telah menjejaskan aktiviti ekonomi, pertumbuhan kekal disokong oleh peningkatan permintaan luaran yang berterusan. Mengambil kira prestasi ekonomi sepanjang tahun pada tahun 2020, aktiviti ekonomi di Malaysia menguncup sebanyak 5.6%, iaitu penguncupan terbesar sejak krisis kewangan.

Carta 3.1: Pertumbuhan Tahunan KDNK bagi Tahun 2020



Sumber : World Economic Outlook Update oleh IMF, Januari 2021 dan Buletin Suku Tahunan S4 2020 oleh BNM, Februari 2021

Prospek Perniagaan daripada Sudut Pandangan Persatuan Perniagaan dan Petunjuk Ekonomi

Menghadapi cabaran yang tidak dijangka ekoran pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara terhadap perniagaan. Berdasarkan Indeks Keyakinan Ketua Pegawai Eksekutif (*CEO Confidence Index, CCI*) oleh VISTAGE-MIER bagi S4 2020 yang mengkaji ketua pegawai eksekutif terutamanya bagi perniagaan kecil sehingga bersaiz sederhana, jangkaan bagi ekonomi adalah suram dalam tempoh masa terdekat, dengan 55% percaya bahawa ekonomi akan menghadapi waktu yang sukar pada bulan-bulan yang seterusnya. CCI kekal di bawah paras optimis selama sembilan sukuan berturut-turut, menggambarkan kekurangan keyakinan yang berterusan dalam kalangan ketua pegawai eksekutif. Selain itu,

menurut Kaji Selidik ke atas Usahawan Pasca COVID-19 yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives, MEDAC) dari 15 sehingga 31 Julai 2020, lebih daripada separuh usahawan dan PKS (54.2%) menjangkakan pendapatan perniagaan yang negatif pada tahun 2020 berbanding tahun kewangan sebelumnya.

Gangguan ekonomi yang ketara terhadap permintaan dan penawaran bagi ekonomi dalam negeri dan ekonomi global akibat pandemik tersebut telah mempengaruhi prospek ekonomi bagi jangka masa terdekat. Hasil daripada Laporan Kaji Selidik Keadaan Perniagaan dan Ekonomi di Malaysia yang diterbitkan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia, ACCCIM) menunjukkan bahawa responden menjangkakan prospek menurun bagi kedua-dua perniagaan (64.3%) dan keadaan ekonomi (68.9%) pada separuh kedua tahun 2020. Walaupun kebanyakan aktiviti perniagaan telah beroperasi semula di bawah PKP Pemulihan pada separuh kedua tahun 2020, mereka masih menghadapi tahap pemulihan yang perlahan dalam permintaan pengguna dan kos operasi tetap menjadi cabaran.



Melihat kepada segmen peruncitan, industri tersebut juga telah menerima kesan yang besar susulan pandemik ini, lantas memberi risiko kepada PKS memandangkan sejumlah 45.6% PKS berada dalam industri perdagangan borong dan runcit. Dalam Laporan Industri Runcit Malaysia bagi bulan November 2020, Retail Group Malaysia (RGM) telah membuat semakan menurun terhadap unjuran kadar pertumbuhan runcit tahunan, iaitu menguncup sebanyak 15.8% pada tahun 2020 berbanding ramalan sebelumnya iaitu -9.3% (dianggarkan pada bulan September 2020). Gelombang ketiga pandemik COVID-19 dan lanjutan PKP sehingga akhir tahun telah melemahkan semangat peruncit di Malaysia, lantas menunjukkan bahawa tahun 2020 merupakan tempoh paling teruk bagi industri runcit sejak tahun 1987. Kebanyakan peruncit tidak dapat beroperasi pada kapasiti penuh berikutan langkah-langkah penjarakan sosial yang berterusan dan penguatkuasaan prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) yang ketat. Tambahan lagi, pertumbuhan negatif yang menjunam sebanyak 18.2% pada suku keempat tahun 2020 telah diunjurkan, jauh lebih rendah daripada anggaran terdahulu iaitu -2.5%. Walaupun hampir semua sektor runcit telah dibenarkan beroperasi, pengguna masih berhati-hati dalam perbelanjaan berikutan peningkatan semula kes baharu dan kebimbangan terhadap penularan virus.

Sementara itu, didapati berlakunya prestasi yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pengeluar di Malaysia kerana mereka berusaha sedaya upaya menangani COVID-19. *Manufacturing Purchasing Manager's Index* (PMI) oleh IHS Markit Malaysia pada bulan November 2020 telah menurun sedikit kepada 48.4 (Oktober 2020: 48.5), kekal di bawah paras normal 50 bagi kali keempat berturut-turut sejak bulan Ogos 2020. Kehilangan momentum pemulihan yang dilihat semasa permulaan pemulihan pasca pembukaan semula ekonomi, sekatan yang diperbaharui susulan peningkatan semula kes baharu COVID-19 telah menjejaskan aktiviti dalam negeri. Pada masa yang sama, sekatan di negara-negara lain juga telah menyumbang kepada kelemahan eksport dan mengakibatkan kelewatan bekalan bahan. Kedua-dua pengeluaran dan jumlah pesanan baharu telah menurun meskipun kadar kemerosotan adalah lebih perlahan daripada bulan April 2020. Namun begitu, melihat kepada prospek bagi 12 bulan yang akan datang, pengeluar mempunyai harapan yang tinggi bahawa berakhirnya pandemik tersebut akan meningkatkan tahap permintaan dan pengeluaran.

Kehilangan momentum pemulihan yang dilihat semasa permulaan pemulihan pasca pembukaan semula ekonomi, sekatan yang diperbaharui susulan peningkatan semula kes baharu COVID-19 telah menjejaskan aktiviti dalam negeri. Pada masa yang sama, sekatan di negara-negara lain juga telah menyumbang kepada kelemahan eksport dan mengakibatkan kelewatan bekalan bahan.

Selari dengan prospek kurang memberangsangkan yang didapati dalam pelbagai kajian oleh dewan perniagaan, Kaji Selidik mengenai Kemampuan dan Kelangsungan PKS semasa PKP yang dijalankan oleh SME Association of Malaysia menunjukkan bahawa PKS menggunakan pelbagai strategi untuk terus bertahan apabila perniagaan memulakan operasi semula secara berperingkat setelah tempoh PKP. Ketidakpastian yang muncul ekoran pandemik COVID-19 telah melemahkan keyakinan PKS terhadap ekonomi dan prospek perniagaan mereka. Sebanyak 28.8% responden PKS membuat jangkaan untuk menstrukturkan semula perniagaan mereka manakala 23.4% akan mengecilkan operasi perniagaan bagi menghadapi waktu yang mencabar.

Walau bagaimanapun, beberapa petunjuk ekonomi telah memberi sedikit harapan. Melihat kepada Indeks Pelopor yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang memantau hala tuju ekonomi secara purata bagi empat hingga enam bulan yang akan datang, indeks tersebut mencatatkan pertumbuhan positif tahunan sebanyak 8.6% pada bulan September 2020, berkembang pada kadar yang lebih cepat berbanding pertumbuhan yang dicatatkan pada

bulan Ogos (7.6%) dan penurunan mendadak sebanyak 5.7% yang dicatatkan pada bulan April 2020. Terus merekodkan pertumbuhan positif sejak Mei 2020, peningkatan ini selari dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan penyambungan semula sebahagian besar operasi perniagaan. Meskipun keadaan adalah mencabar, kadar pertumbuhan indeks tersebut kekal melebihi trend yang menandakan Malaysia terus melakarkan pemulihan ekonomi. Beberapa siri pakej rangsangan dan pelaksanaan rancangan pemulihan ekonomi jangka pendek, serta pelbagai bantuan dalam pengumuman Belanjawan 2021 juga akan membantu meringankan kesan COVID-19, memastikan kelangsungan perniagaan dan meningkatkan daya tahan ekonomi.

Meskipun petunjuk ekonomi tersebut memberi tanda positif terhadap kesihatan ekonomi, perniagaan masih perlu berhati-hati berikutan ketidaktentuan dan cabaran yang berterusan dalam persekitaran dalam negeri dan global. Keadaan ekonomi yang terjejas teruk susulan pandemik COVID-19 bukan sahaja telah memberi impak yang besar kepada sentimen perniagaan dan membawa pelbagai cabaran kepada PKS, namun ia juga memberi kesedaran mengenai kepentingan memiliki model perniagaan yang mampan untuk jangka masa panjang. Menyesuaikan perniagaan dengan norma baharu, PKS perlu menilai semula model perniagaan mereka untuk kekal fleksibel, responsif dan inovatif dalam menghasilkan yang terbaik semasa pandemik ini. Kemampuan untuk menyesuaikan operasi perniagaan dengan lebih berkesan bagi menangani situasi yang sukar ketika ini dapat membantu mengekalkan daya saing, menambah baik kebergantungan perniagaan dan seterusnya menjadi faktor kejayaan dalam landskap yang kian berubah.



Unjuran KDNK PKS pada Tahun 2020

PKS di Malaysia merupakan tonggak ekonomi negara, mewakili majoriti 98.5% daripada keseluruhan pertubuhan perniagaan pada tahun 2015. Dengan bilangan pertubuhan PKS yang tinggi di negara ini, kemerosotan ekonomi pasti akan menjejaskan pelbagai sektor dan kemajuan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 sememangnya telah mengugat kesejahteraan ekonomi rakyat dan perniagaan. Seperti yang dinyatakan dalam segmen sebelum ini, banyak persatuan perniagaan menekankan mengenai prospek menurun dalam jangka masa terdekat. Meskipun pandemik tersebut terus memberi kesan yang mendalam kepada PKS, PKS kekal berdaya tahan dalam menghadapi kesukaran dengan mengambil langkah bagi melindungi perniagaan mereka secara proaktif. SME Bank pada bulan Julai 2020 meramalkan pertumbuhan PKS menguncup sebanyak 1.0% pada tahun 2020. Ramalan pertumbuhan negatif yang kurang teruk tersebut disokong oleh jangkaan kenaikan pendapatan isi rumah, yang menandakan peningkatan kuasa beli pengguna dan jangkaan bahawa PKS akan terus berdaya saing dalam tempoh pasca PKP dengan memanfaatkan teknologi.

Mengambil kira prestasi PKS sejak beberapa tahun lepas, PKS secara konsisten telah mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan, seterusnya menunjukkan daya tahan perniagaan mereka semasa krisis mahupun dalam kestabilan ekonomi. Pada tahun 2020, dengan ekonomi keseluruhan Malaysia menguncup sebanyak 5.6%, PKS diunjurkan menguncup pada kadar 5.4%. Unjuran ini telah mengambil kira gelombang ketiga jangkitan COVID-19 yang berlaku pada separuh kedua tahun 2020. Ketidakpastian ekonomi global dan dalam negeri akan terus menjejaskan sentimen pengguna dan perniagaan, menyebabkan aktiviti perniagaan yang lebih perlahan pada masa akan datang. Namun begitu, beberapa siri pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan akan terus memberi sokongan yang kukuh kepada PKS dalam meringankan beban kewangan mereka dan pada masa yang sama berdaya tahan terhadap impak penularan COVID-19.

Tambahan lagi, dalam mengurangkan kesan pandemik terhadap perniagaan PKS di samping membantu mempercepatkan proses pemulihan, PKS perlu menggunakan teknologi memandangkan ia berfungsi sebagai pemboleh perniagaan yang membuka jalan kepada produktiviti yang lebih baik, kecekapan operasi dan penjimatan kos.

Tambahan lagi, dalam mengurangkan kesan pandemik terhadap perniagaan PKS di samping membantu mempercepatkan proses pemulihan, PKS perlu menggunakan teknologi memandangkan ia berfungsi sebagai pemboleh perniagaan yang membuka jalan kepada produktiviti yang lebih tinggi, kecekapan operasi dan penjimatan kos. PKP telah membuktikan bagaimana teknologi memainkan peranan yang semakin penting dalam menyokong kelangsungan perniagaan PKS semasa krisis, di samping meningkatkan ketepatan dan kebolehcapaian data, pengurusan maklumat dan analisis laporan yang lebih baik. Beralih daripada model perniagaan berasaskan kedai kepada automasi akan memberi kelebihan kepada PKS kerana kemajuan teknologi akan terus berkembang secara ketara dalam tempoh pasca PKP.

Unjuran Eksport PKS pada Tahun 2020

Memandangkan pandemik COVID-19 telah mengganggu aliran perdagangan global dan menjejaskan rantai bekalan, tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi perdagangan global. Kebanyakan negara di seluruh dunia masih dalam sekatan pergerakan dan langkah-langkah pengawalan masih dilaksanakan bagi mengurangkan penularan COVID-19, menyebabkan gangguan terhadap aktiviti pembuatan dan pergerakan barangan di seluruh dunia berterusan. Penutupan sementara di seluruh negara susulan pelaksanaan PKP telah mengganggu pengeluaran dalam negeri dan menanggungkan pelaburan. Melihat kepada prestasi sepanjang tahun, eksport Malaysia pada tahun 2020 merosot sedikit sebanyak 1.4% (2019: -0.8%) kepada RM980.99 bilion, selari dengan permintaan global yang lemah dan keadaan ekonomi luaran yang tidak menggalakkan berikutan pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, membandingkan prestasi separuh tahun, perdagangan luaran Malaysia menunjukkan prestasi yang cukup baik pada separuh kedua tahun 2020 dengan eksport berkembang sebanyak 4.8%, peningkatan yang ketara berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 7.9% yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2020. Prestasi eksport yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2020 disebabkan oleh pembukaan ekonomi yang progresif dan pemulihan permintaan luaran secara beransur-ansur. Malahan, eksport menunjukkan momentum positif pada bulan Disember 2020 dengan mencatat nilai eksport bulanan tertinggi bagi tahun tersebut, disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi dalam produk elektrik dan elektronik, produk getah dan produk minyak sawit & pertanian berasaskan minyak sawit.

Memberi fokus kepada perniagaan kecil, sebahagian besar PKS bergantung kepada perdagangan antarabangsa untuk aktiviti mereka, sama ada untuk eksport mahupun import. Pada tahun 2019, sumbangan PKS kepada jumlah eksport negara meningkat kepada 17.9% dengan pertumbuhan disokong oleh pengembangan berterusan dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri berkaitan pelancongan dan perkhidmatan perniagaan lain. Memandangkan PKS berintegrasi dalam rangkaian

nilai global, gangguan rangkaian bekalan seperti yang disebabkan oleh pandemik tersebut telah memberi risiko kepada PKS yang berorientasikan eksport. Sehubungan itu, mereka dijangka menerima tempias daripada prestasi eksport yang tidak menggalakkan, walaupun pada skala yang lebih kecil berbanding firma besar. Berlatarbelakangkan persekitaran global yang mencabar, eksport PKS diunjur menguncup sebanyak 2.8% pada tahun 2020 (2019: 2.6%). Sebagai salah satu penyumbang utama eksport, aktiviti pelancongan yang terjejas teruk dijangka melemahkan prestasi pertumbuhan eksport PKS sepanjang tahun. Secara keseluruhan, terdapat 504,554 PKS terlibat dalam industri pelancongan pada tahun 2015, iaitu merangkumi 55.6% daripada jumlah populasi PKS. Tambahan lagi, lebih daripada satu pertiga eksport PKS dijana oleh subsektor perkhidmatan pelancongan.


Memandangkan PKS berintegrasi dalam rangkaian nilai global, gangguan rangkaian bekalan seperti yang disebabkan oleh pandemik tersebut telah memberi risiko kepada PKS yang berorientasikan eksport. Sehubungan itu, mereka dijangka menerima tempias daripada prestasi eksport yang tidak menggalakkan, walaupun pada skala yang lebih kecil berbanding firma besar.

Prospek PKS pada Tahun 2021

Memandangkan ekonomi global berada dalam kemelesetan pada tahun 2020 dan terjejas secara negatif susulan penularan COVID-19, tahun 2021 pula menawarkan prospek yang lebih optimis. IMF mengunjurkan ekonomi global pulih secara beransur-ansur pada tahun 2021, berkembang pada pertumbuhan positif sebanyak 5.5%. Meskipun gelombang dan varian baharu virus menimbulkan kebimbangan terhadap prospek, unjuran pertumbuhan ekonomi

global yang lebih tinggi mencerminkan sokongan dasar tambahan di beberapa ekonomi besar dan jangkaan pelaksanaan vaksin dalam membantu merencanakan kembali aktiviti ekonomi. Selari dengan unjuran peningkatan pertumbuhan global, prospek pertumbuhan Malaysia juga dijangka kembali pulih pada tahun 2021 seperti yang diramalkan oleh pelbagai agensi antarabangsa (rujuk Carta 3.2). Selain itu, semasa pengumuman Belanjawan 2021 pada bulan November 2020, Kementerian Kewangan secara rasmi telah mengunjurkan bahawa ekonomi akan berkembang dalam lingkungan 6.5 - 7.5% pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, unjuran pemulihan bergantung kepada pembendungan pandemik yang efektif, pemberian vaksin di peringkat global dan dalam negeri serta pemulihan permintaan luaran yang berterusan.

Carta 3.2: Unjuran Pertumbuhan Malaysia bagi Tahun 2021



Sumber: IMF World Economic Outlook Update, Januari 2021
 Asian Development Outlook 2020 Supplement, Disember 2020
 Global Economic Prospects oleh Bank Dunia, Januari 2021
 Pengumuman Belanjawan 2021 oleh Kementerian Kewangan, November 2020

Dalam memelihara daya tahan ekonomi, pelbagai langkah rangsangan ekonomi akan memberi bantuan yang besar kepada isi rumah dan perniagaan. Langkah-langkah oleh Kerajaan seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), KITA PRIHATIN, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) serta inisiatif di bawah Belanjawan 2021, khususnya Bantuan Prihatin Rakyat, subsidi gaji bersasar dan projek awam akan terus meningkatkan lagi landskap ekonomi dan memberi sokongan kepada perniagaan kecil. Di samping itu, langkah-langkah kewangan yang berterusan dan persekitaran kadar faedah yang rendah juga dijangka dapat memberi sokongan tambahan kepada pemulihan ekonomi. Sehubungan itu, impak inisiatif ini diharapkan dapat memberi kesan limpahan dan memberi dorongan tambahan kepada ekonomi pada tahun 2021, ditambah dengan peningkatan yang dijangka pada pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa.

Berdasarkan Kaji Selidik ke atas Usahawan Pasca COVID-19 oleh MEDAC, sejumlah 29.5% usahawan dan PKS menjangkakan ekonomi Malaysia akan pulih sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2021. Selari dengan hasil penemuan tersebut, Kaji Selidik oleh ACCCIM menyatakan bahawa sejumlah 46.4% responden menjangkakan ekonomi Malaysia akan pulih

pada separuh pertama tahun 2021. Sentimen pesimis kekal pada tahun 2021 tetapi pada tahap yang jauh lebih rendah, menandakan bahawa firma berhati-hati dalam mengharapkan prospek perniagaan yang lebih baik. Bagi tahun 2021, hasil penemuan menunjukkan bahawa lebih rendah (23.1%) bilangan responden yang pesimis terhadap keadaan perniagaan (2020: 67.7%), manakala lebih ramai responden (13.1%) adalah optimis (2020: 3.8%).

Dengan IMF mengunjurkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.0% tahun ke tahun bagi Malaysia pada tahun 2021, PKS seharusnya bersiap sedia untuk memanfaatkan pemulihan ketika dunia pulih daripada pandemik COVID-19. Berdasarkan jangkaan peningkatan semula pada tahun 2021 yang digariskan oleh Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, persatuan perniagaan dan agensi penyelidikan, perniagaan PKS diunjurkan pulih dan berkembang dengan ketara pada tahun 2021. Dalam menentukan hala tuju perniagaan mengikut norma baharu dan berkembang maju dalam realiti pasca pandemik, PKS perlu melakukan peningkatan perniagaan termasuklah penggunaan teknologi digital baharu dalam model perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan; meningkatkan kemahiran dan keupayaan sumber manusia; dan mengukuhkan kedudukan aliran tunai perniagaan. Penularan COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini juga telah menekankan kepentingan untuk mempunyai pelan luar jangka (*contingency plan*) yang efektif bagi memastikan kelangsungan perniagaan sekiranya berlaku bencana pada masa akan datang.